

**MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN 1440 HIJRAH  
PERINGKAT NEGARA**

**Hari Isnin Malam Selasa  
1 Muharram 1440H bersamaan 10 September 2018M  
Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong**





علمودان عمل نادى و اواسن نكارا

*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni  
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*



**ATURCARA  
MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN 1440 HIJRAH  
PERINGKAT NEGARA**

- 4.45 petang : Ahli Jawatankuasa dan Para Peserta persembahan hadir.
- 5.00 petang : Para Jemputan mulai hadir.  
: Bacaan Zikir beramai-ramai.
- 5.20 petang : Ketibaan Pembesar-Pembesar Negara.
- 5.55 petang : Keberangkatan **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** berserta Kerabat Diraja dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1440 Hijrah.  
: Sebaik-baik sahaja **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** selesai menunaikan Sembahyang Tahiyatul Masjid, majlis dimulakan.  
: Bacaan Doa Akhir Tahun Hijrah 1439.  
: Selesai Doa Akhir Tahun dibacakan, tembakan meriam sebanyak 21 das mula dilepaskan.
- 6.23 petang : Azan Maghrib.  
: Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah.  
: Bacaan Doa Awal Tahun Hijrah 1440.

- : Sembahyang Sunat Ba'diah.
  - : Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah.
  - : Bacaan Surah Al-Fatihah.
  - : Sembah Alu-Aluan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1440 Hijrah.
  - : Tazkirah Hijrah.
  - : Bacaan Doa Selamat.
  - : Bacaan Istighfar.
- 7.32 malam : Azan 'Isya'.
  - : Sembahyang Fardhu 'Isya' Berjemaah.
  - : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** berangkat meninggalkan majlis dengan diikuti oleh Kerabat Diraja dan Pembesar-Pembesar Negara.
  - : Majlis bersurai.

## KATA ALU-ALUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء  
والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, kita sekarang melangkah menyuruki gerbang tahun baharu 1440 Hijrah dalam keadaan selamat.

Sesungguhnya kita memuji Allah Subhanahu wa Ta’ala iaitu dengan ikhlas menyanjung tinggi kuasa-Nya. Dengan takdir dan izin Allah kita dapat lagi mengharungi tahun baharu hijrah ini. Semoga negara kita dan segenap isinya akan sentiasa dipelihara dan dilindungi oleh Allah, aman makmur dan bahagia sejahtera yang direhdai-Nya.

Itulah keutamaan kita, kerana dengan aman makmur dan bahagia sejahtera itu kita dapat teruskan usaha membangun dan seterusnya mengembangkan kemakmuran dan kesejahteraan negara dan rakyat.

Namun dalam keadaan apa pun yang Allah Ta’ala takdirkan seterusnya kita akan tetap teguh beriman dan kukuh bertaqwa. Sebab kita yakin sesungguhnya Allah Ta’ala telah mensyaratkan kepada penduduk sesebuah negeri bahawa mereka hendaklah teguh beriman dan kukuh bertaqwa supaya mereka dan negeri mereka mendapat limpah rahmat Allah berupa al-barakaat daripada berbagai sumber. Rahmat yang dijanjikan Allah itu termasuklah khasnya dalam bentuk kemakmuran serta keamanan, kebahagiaan serta kesejahteraan sebagaimana mafhum firman-Nya ayat 96 Surah al-A’raaf :

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقَرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَتٍ  
مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

Mafhumnya :

“Dan kalaaulah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertaqwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi.”

Sedemikian itu syarat yang dikenakan oleh Allah. Dan Alhamdulillah Brunei menyedari dan menerima syarat itu. Kerana sepanjang sejarahnya lebih enam ratus tahun sejak menerima Islam dan menjadi negeri berpemerintahan beraja Islam itu negara kita Brunei Darussalam ini tetap teguh berpegang kepada Islam. Dan sehingga kepada zaman modennya sekarang Brunei tidak bertolak daripada Islam malah menjadikannya landasan modernisasinya dan jadi faktor utama mengekalkannya sebagai negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik menurut ajaran Ahlis Sunnah Waljama’ah.

Mengharungi tahun baharu dan tahun-tahun berikutnya nanti tentu sahaja kita akan terus mengharungi masa hadapan yang mencabar. Dalam apa pun keadaan yang ditakdirkan oleh Allah seterusnya namun kita hendaklah tetap yakin kepada kepentingan meneguhkan iman dan mengukuhkan taqwa sambil meneruskan usaha menguasai ilmu dan mengamalkannya untuk kebaikan.

Hal ini sangat berkaitan dengan Wawasan Negara 2035 di mana antaranya kita berhasrat pada tahun 2035 itu dan seterusnya nanti Brunei mempunyai rakyat yang berilmu dan bertaraf hidup yang tinggi. Kita sedang berusaha mencapainya dalam keadaan negara aman makmur dan bahagia sejahtera. Kita yakin bahawa keamanan, kemakmuran, kebahagiaan dan kesejahteraan yang dinikmati sehingga kini dan memungkinkan kita dapat membangun negara dan berusaha

mencapai wawasan itu adalah rahmat Allah kepada Brunei dan segenap isinya yang tetap berpegang kepada ajaran Islam khasnya dengan teguh beriman dan kukuh bertaqwa.

Kerana itulah dalam kita menyambut tahun baharu hijrah ini kita menetapkan bahawa Ilmu dan Amal Nadi Wawasan Negara sebagai temanya.

Tema ini akan menjadi ingatan bahawa rakyat Negara Brunei Darussalam yang berilmu serta bertaraf hidup yang tinggi di masa hadapan itu ialah rakyatnya yang teguh beriman dan kukuh bertaqwa supaya menepati syarat bagi negaranya akan dilimpahi rahmat Allah berupa keberkatan-keberkatan yang mendarangkan keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang diredhai-Nya sebagaimana mafhum daripada ayat 96 surah al-A'raaf yang disebutkan tadi. Namun ayat tersebut sepenuhnya juga mengingatkan bahawa apabila penduduk sesebuah negeri itu telah mendustakan rasul-rasul (menolak agama dan ajaran Allah) lalu Allah akan menimpakan mereka dengan azab disebabkan keingkaran dan kemaksiatan yang mereka lakukan.

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرْبَىٰ ءَامَنُوا وَأَتَقْوَا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ  
مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَكِنْ كَذَّبُوا فَأَخْذَنَاهُمْ بِمَا  
كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

“Dan kalaalah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertaqwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan (rasul-rasul Kami) lalu Kami menimpakan mereka (dengan azab) disebabkan apa yang mereka telah usahakan.”

Demikianlah.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

**Yang Berhormat  
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia  
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin  
Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman  
Menteri Hal Ehwal Ugama.**

Selaku Pengurus  
Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam  
Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran  
Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan  
Tahun 1440 Hijrah.

## **HURAIAN TEMA MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN 1440 HIJRAH PERINGKAT NEGARA**

Ilmu adalah cahaya dan hidayah yang menerangi kehidupan manusia dari kegelapan dan kejihilan. Ilmu adalah kunci penyelamat yang membawa kesejahteraan dan kejayaan hidup yang seimbang antara dunia ni dan ukhrawi. Islam membahagikan ilmu itu kepada dua bahagian iaitu Ilmu Fardhu ‘Ain dan Ilmu Fardhu Kifayah. Ilmu Fardhu ‘Ain diwajibkan ke atas setiap orang Islam seperti ilmu sembahyang dan membaca al-Quran, manakala ilmu Fardhu Kifayah akan terlepas kewajipannya bila ada di kalangan individu yang mempelajarinya seperti ilmu faraidh, ilmu undang-undang, menghafaz al-Quran dan ilmu dunia yang lain.

Allah Subhanahu wa Ta’ala memuliakan dan meninggikan darjat manusia yang memiliki ilmu sebagaimana firman-Nya di dalam Surah al-Mujadalah ayat 11 mafhumnya :

*“Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama beberapa darjat.”*

Kelebihan ilmu ugama, Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda :

*“Barangsiapa yang dikehendaki kebaikan oleh Allah padanya, maka akan Allah fahamkan dalam masalah agama.”* (Riwayat Bukhari)

Ilmu dan amal adalah nadi yang akan mencorakkan perubahan dalam pembangunan negara dan dapat mendukung serta merealisasikan Wawasan Negara 2035 ke arah rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran sangat diperlukan dalam sesebuah negara. Namun pendidikan atau tarbiyah itu perlu berpaksikan kepada keimanan dan etika rohani untuk melahirkan umat yang berakal sihat

dan berakhhlak mulia sebagai pembimbing di dunia dan penyelamat di akhirat kelak. Berkata Imam As-Syafi'e : “*Siapa yang menghendaki (kejayaan) hidup di dunia, hendaklah dengan ilmu. Siapa yang menghendaki (kejayaan) hidup di akhirat, hendaklah dengan ilmu.*”

Orang yang berilmu dan mengamalkan ilmunya akan memberi kesan yang baik kerana amalan itu membimbingnya ke arah yang baik dan seterusnya menjadi contoh serta ikutan yang baik di kalangan masyarakat. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ ، بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرُهُ ، عَلَىٰ  
الَّدِينِ كُلِّهِ وَأَوْكَدَ رَبِّ الْمُشْرِكُونَ ﴿٣٣﴾

“Dialah (Allah) yang telah mengutus Rasul-Nya (Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dengan (membawa) petunjuk (al-Quran) dan agama yang benar (agama Islam) untuk mengatasi semua agama yang lain... ” (Surah At-Taubah, ayat 33)

Ayat ini jelas menerangkan bahawa Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam membawa ilmu yang berupa petunjuk dari al-Quran dan Baginda juga membawa bersamanya ugama Islam yang mengandungi amalan-amalan yang soleh.

Ini menunjukkan bahawasanya ilmu dan amal wajarnya berjalan seiringan, maka dengan itu akan memperoleh kemuliaan berupa kejayaan ke atas umat Islam. Ilmu yang berlimpah, menggunung dan banyak tidak akan bermanfaat sedikitpun tanpa amal yang berterusan. Dasar pendidikan negara juga adalah seimbang di antara keperluan duniaawi dan ukhrawi yang dapat membentuk rakyat menjadi berilmu dan cemerlang dalam pengisian antara keperluan rohani dan jasmani mereka.

Memiliki ilmu yang tinggi, luas dan dalam tidak akan mampu menghentikan kemaksiatan jika pemilik ilmu itu tidak mengamalkan setiap pengetahuan yang dimilikinya. Hanya dengan memiliki ilmu

dan melakukan amal, seseorang itu akan menjadi orang-orang yang memiliki kemuliaan dan keberuntungan.

Di dalam Surah al-Fatihah ayat 6 dan 7 Allah Subhanahu wa Ta'ala memberikan petunjuk :

*“Tunjukkanlah kami jalan yang lurus. iaitu jalan orang-orang yang telah Engkau kurniakan ni’mat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang dimurkai dan bukan pula (jalan) orang-orang sesat.”*

Al-Imam At-Tirmidzi meriwayatkan dengan sanad yang hasan, Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam menafsirkan siapa yang dibenci, sabda Rasulullah, “Mereka orang-orang Yahudi,” dan siapa yang sesat, sabda Rasulullah, “Mereka orang-orang Nasrani.” Orang-orang Yahudi dimurkai oleh Allah kerana mereka berilmu tapi tidak beramal. Manakala orang-orang Nasrani sesat kerana mereka beramal tanpa ilmu.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala di dalam Surah Az-Zumar ayat 9 mafhumnya :

*“Adakah sama orang-orang yang berilmu dengan orang-orang tidak berilmu?”*

Ayat ini juga menjadi bukti adanya perbeaan antara orang yang berilmu dan sebaliknya. Malah Allah menyuruh kita meminta kepada-Nya jalan yang lurus, di mana jalan yang lurus itu adalah ilmu dan amal. Sebagaimana kita wajib menuntut ilmu begitulah juga kita wajib mengamalkan ilmu yang kita miliki. Kerana ilmu yang tidak diiringi dengan amal, apabila ilmu itu ditinggalkan, maka ia akan menjadi ilmu yang tidak bermanfaat malah merosakkannya.

Justeru itu Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam selalu memohon kepada Allah supaya dikurniakan ilmu yang bermanfaat :

**اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا وَرِزْقًا طَيِّبًا وَعَمَلاً مُتَقَبِّلًا**

*“Ya Allah, aku memohon kepada Engkau ilmu yang bermanfaat, dan rezeki yang baik, dan amalan yang diterima”.*

Allah Subhanahu wa Ta’ala juga memerintahkan Nabi-Nya untuk berdoa agar diberi ilmu sebagai rezeki :

*“Maka Maha Tinggi Allah Raja Yang sebenar-benarnya, dan janganlah kamu tergesa-gesa membaca al-Quran sebelum disempurnakan mewahyukannya kepadamu, dan katakanlah: “Ya Tuhanku, tambahkanlah kepadaku ilmu pengetahuan”.* (Surah Thaha, ayat 114)

Institusi pendidikan juga memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan rakyat mempunyai ilmu pengetahuan serta menjadi generasi yang berupaya mendukung aspirasi dan kesinambungan keharmonian bernegara. Oleh itu dengan pembelajaran dan pengajaran melalui institusi pendidikan, kita akan melahirkan generasi yang berilmu seiring dengan Wawasan Negara. Dengan mengamalkannya pula, kita mengajak untuk membangun generasi pada keadaan yang lebih baik dan penuh kemuliaan. Ilmu yang bermanfaat sudah pasti akan membimbing pemiliknya. Ilmu yang benar akan menjadi cahaya yang mengusir kegelapan, sekaligus menunjukkan arah kebaikan.

Di bawah Wawasan Negara 2035, tujuannya adalah untuk mengangkat Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang diiktiraf secara meluas sebagai rakyatnya yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Bagi mencapai hasrat tersebut, pendidikan yang kukuh lagi seimbang adalah penting bagi negara ini dan penduduknya.

Ilmu dan amal tidak syak lagi menjadi nadi wawasan negara sekaligus menjadikan Negara Brunei Darussalam “Baladatun Tayyibatun Warabbun Ghafur” iaitu sebuah negara yang aman makmur, serta sentiasa dalam pengawasan, pengampunan dan perlindungan Allah Subhanahu wa Ta’ala juga.

**IMBAS KEMBALI  
MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN 1439 HIJRAH  
PERINGKAT NEGARA**



### TIAH

*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni  
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين،  
والصلاه والسلام على أشرف المرسلين، سيدنا محمد،  
وعلى آله وصحبه أجمعين، وبعد

Marilah kita sama-sama bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala yang telah melimpahkan rahmat-Nya, sehingga kita dapat memasuki gerbang Tahun Baru Hijrah 1439.

Menyambut dan mengalu-alukan kedatangan Tahun Baru Hijrah pada kali ini, dirasakan lebih bererti lagi, kerana kebetulan beberapa hari sahaja lagi negara akan menyambut Jubli Emas, 50 Tahun Beta Menaiki Takhta.

Pada hemat Beta, ini adalah petanda baik, kerana sebagaimana kita sama-sama maklum, peristiwa hijrah adalah satu peristiwa suci dan agung, kerana ia bukan dirancang oleh sesiapa, melainkan satu perintah langsung daripada Allah kepada rasul-Nya.

Sebab itulah, apa jua yang berkaitan atau dikaitkan dengan hijrah, adalah ia tidak kosong, melainkan ada saja manfa'at dan berkatnya, termasuklah langkah kita mengadakan sambutan Awal Tahun Hijrah pada setiap tahun.

Hijrah dalam bahasa, maknanya ‘pindah’. Tetapi pindah di sini adalah semata-mata untuk memperolehi ‘kebajikan’.

Begitulah dengan hijrah Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam adalah bertujuan untuk menyelamatkan akidah ummah. Kerana akidah adalah segala-galanya.

Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bukan berhijrah untuk mendapatkan kesenangan dunia, tetapi Baginda berhijrah untuk keselamatan kita dan di akhirat. Kerana hanya umat yang berakidah sahaja yang akan selamat itu.

Ini, telah pun menjadi ketentuan Allah sendiri, bukan ketentuan kita. Sesungguhnya ketentuan Allah itu, tidak siapapun yang boleh mengubah atau memindanya.

Pengajaran hijrah yang sebenar-benarnya, untuk menyelamat dan menguatkan akidah kita.

Adapun cara menyelamat dan menguatkan akidah itu ialah dengan amal soleh. Amal solehlah tuntutan tertinggi untuk dilakukan. Ia adalah semata-mata perkara suci di sisi Allah.

Demikian itulah harga amal soleh. Ia merujuk kepada perbuatan orang berakidah. Adapun orang tidak berakidah atau yang rosak akidah, mereka tidak mungkin untuk melazimi amal soleh.

Oleh itu, marilah kita sama-sama menginsafi akan kepentingan akidah, dan sekaligus menyedari akan rahsia amal soleh sebagai jambatan menuju keredhaan Allah di dunia dan di akhirat.

Maka dengan itu, sentiasalah kita berawas dari terjebak kepada penyelewengan akidah.

Kepada pihak-pihak bertanggungjawab yang berkaitan, jadikanlah ini keutamaan. Jangan pejamkan mata kalau nampak penyelewengan sudah atau sedang berlaku. Ataupun ia baru didengar atau dihidu berlaku, maka pihak-pihak bertanggungjawab itu hendaklah sesegera mungkin mengambil langkah dan bertindak.

Banyak cara untuk bertindak itu, di antaranya melalui kaedah dakwah atau nasihat, ataupun kalau perlu, melalui akta. Jika akta belum wujud lagi, maka kita adakan akta.

Pada hemat Beta, menangani penyelewengan dengan akta, mungkin saja lebih efektif dari yang lain-lain.

Berbalik lagi mengenai hijrah Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam untuk menyelamatkan akidah, maka mengenang ini semua, kita merasa amat hiba apabila mengetahui bahawa di zaman moden ini masih berlaku lagi penghijrah untuk menyelamatkan nyawa dan akidah.

Penghijrah-penghijrah itu terpaksa lari meninggalkan tempat tinggal sendiri, yang namanya tanah air, kerana dizalimi dengan pelbagai bentuk kezaliman.

Kalau dahulu kita hanya mendengar atau membaca tentang orang-orang yang dizalimi, tetapi sekarang dengan kecanggihan teknologi, kita juga sudah dapat melihat dengan mata kepala bagaimana penzaliman itu dilakukan, seperti dengan membunuh atau menyeksa atau membakar kampung dan rumah para mangsa itu. Semua ini turut muncul di dalam media sosial, termasuk melalui kaca-kaca TV.

Brunei Darussalam adalah bersama-sama ‘suara sedunia’ mengesali apa yang berlaku di Myanmar dan meminta pihak yang berkuasa, di negara tersebut supaya menyelesaikan krisis kemanusiaan ini dengan seadil-adilnya.


Untuk mengakhiri perutusan ini, Beta dan keluarga Beta dengan tulus ikhlas mengucapkan kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini Selamat Menempuh Tahun Baru Hijrah 1439.

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ













**IMBAS KEMBALI ACARA IRINGAN  
MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN 1439 HIJRAH**

**PEMBERIAN HADIAH KEPADA  
ANAK-ANAK DAMIT YANG LAHIR PADA  
1 MUHARRAM 1439 HIJRAH**

## *Daerah Brunei dan Muara*





## *Daerah Belait*





**JAWATANKUASA TERTINGGI  
MAJLIS SAMBUTAN HARI-HARI KEBESARAN ISLAM  
BAGI TAHUN 1440 HIJRAH**



**JAWATANKUASA KERJA  
MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN 1440 HIJRAH  
PERINGKAT NEGARA**



## *Penghargaan Dan Terima Kasih*

### **Kepada**

Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa

Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 1440H,

Jawatankuasa Kerja Majlis Sambutan Awal Tahun 1440 Hijrah

Peringkat Negara,

Pegawai-Pegawai Dan Kakitangan-Kakitangan Dari

Kementerian-Kementerian Dan Jabatan-Jabatan Kerajaan,

Syarikat-Syarikat Swasta Yang Memberikan Sumbangan Iaitu

Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD),

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB),

Syarikat Takaful Brunei Darussalam,

Serta Semua Pihak Yang Terlibat

Mengendalikan Majlis Sambutan

Awal Tahun 1440 Hijrah Peringkat Negara,

Sama-Sama Kita Berdoa Semoga

Allah Subhanahu wa Ta'ala Melimpahkan

Pahala Dan Rahmat-Nya Kepada Kita Semua.

Aamiin

## **Catatan**

## **Catatan**

دچیق او له  
جياتن فرچیتئن کراجأن  
جياتن فدان منtri، نکارا بروني دارالسلام